

# BULETIN PEJABAT PENDAFTAR



JANUARI - APRIL 2018



## PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI PEJABAT PENDAFTAR AUDIT PEMANTAUAN ISO 9001:2015

**9 - 10 Januari 2018, Bilik Sidang, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin** - Sesi audit telah dilaksanakan oleh dua (2) orang Juruaudit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang diketuai oleh Puan Fauziah Sulaiman. Sebanyak tiga (3) proses utama di bawah skop persijilan ISO 9001:2015 telah diaudit dalam sesi tersebut. Objektif pelaksanaan audit pemantauan ini adalah untuk memastikan kepatuhan berterusan Sistem Pengurusan Kualiti (SPQ) Pejabat Pendaftar terhadap keperluan ISO 9001:2015 serta menilai keupayaan SPQ yang dibangunkan dalam memenuhi keperluan perundangan dan pelanggan. Hasil audit menunjukkan Pejabat Pendaftar telah melaksanakan SPQ berdasarkan keperluan ISO 9001:2015 serta kesungguhan dan penglibatan semua lapisan staf juga memuaskan.

# IKRAR BEBAS RASUAH

## PEJABAT PENDAFTAR



**25 Januari 2018, Dewan Al-Ghazali, Bangunan Wawasan UiTM** - Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang telah diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Pejabat Pendaftar turut komited dalam memastikan warganya bebas rasuah bagi mendokong pelaksanaan tadbir urus terbaik. Melalui program ini, staf yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih cakna, bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka berkhidmat di UiTM. Program ini telah dihadiri oleh semua warga Pejabat Pendaftar dan taklimat bebas rasuah telah disampaikan oleh Tuan Amir Hamzah Idris, Timbalan Pengarah (Pencegahan) SPRM Negeri Selangor.





## BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN RISIKO DAN PELUANG

**12 - 13 Februari 2018, Dewan Al-Ghazali, Bangunan Wawasan UiTM** - Bengkel ini telah diadakan bagi memperkemas dan menambahbaik pengurusan risiko dan peluang Pejabat Pendaftar. Bengkel ini telah dihadiri oleh warga Pejabat Pendaftar yang terdiri daripada gred N29 dan ke atas. Sesi taklimat telah disampaikan oleh Encik Saiful Azril Ishak, Koordinator, Seksyen Pengurusan Risiko. Sesi perbincangan dan pembentangan dapat membentuk keseragaman pemahaman di antara bahagian-bahagian di Pejabat Pendaftar dalam menguruskan risiko secara lebih sistematik dan berkesan. Selain itu, pelan tindakan pengurusan risiko yang telah dirancang dapat dilaksanakan dan dipantau keberkesanannya.



## SESI RUNDING CARA KEPERLUAN PERJAWATAN DI BAWAH ANGGARAN BELANJA MENGURUS (ASMI) 2019 DAN NAZIRAN PEMBANGUNAN ORGANISASI

**26 Februari 2018, Bilik Sidang Canseleri Tuanku Syed Sirajudin** - Sesi runding cara dan audit telah dilaksanakan oleh dua (2) orang pegawai dari Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan dua (2) orang pegawai dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pendidikan Tinggi yang diketuai oleh Encik Mohd Kamal Hisham Bin Abu Bakar. Tujuan sesi tersebut diadakan adalah :

- Membincangkan isu mobiliti dan lauan kerjaya;
- Memeriksa tahap pematuhan kepada Surat Kelulusan Perjawatan (SKP) dan skim perkhidmatan;
- Mengemaskini data perjawatan dalam SKP ke arah penyediaan buku senarai perjawatan;
- Meyemak dan membincangkan lantikan kontrak;
- Mengemaskini jawatan sementara berikutkan perubahan skim (JSPS) jumud dalam SKP; dan
- Membincangkan isu-isu berkaitan perjawatan dan organisasi.

# TAKLIMAT PENYEDIAAN SASARAN KERJA TAHUNAN BAGI LAPORAN NILAIAN PRESTASI TAHUNAN TAHUN 2018 SECARA ATAS TALIAN



**28 Mac 2018, Dewan Agong Tuanku Canselor -**  
Program ini telah dihadiri oleh Rektor, Dekan, Ketua Pusat Tanggungjawab, Staf Akademik dan Staf Pentadbiran di seluruh sistem UiTM. Bersempena dengan pelancaran Sistem LNPT menerusi sistem HR2U pada bulan Mac 2018, sesi taklimat mengenai kaedah pelaksanaan dan penggunaan sistem telah diadakan bagi memperkuuh pemahaman warga UiTM mengenai pelaksanaan sistem tersebut. Taklimat telah disampaikan oleh Pendaftar dan Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Perkhidmatan. Sesi soal jawab juga turut diadakan bagi menjawab isu-isu yang berkaitan dan seterusnya menjadi input penting kepada bahagian yang bertanggungjawab untuk merangka dan melaksana penambahbaikan.



## Cara Penggunaan Web HR2U

<https://hr2u.uitm.edu.my>



**Login Masuk**  
Login ID  
Kata Laluan

- Lengkapkan ruangan SKT
- Perbincangan di antara PYD dan PPP
- Pengesahan SKT
- Pastikan SKT dilaksanakan mengikut perancangan

# BENGKEL PENGUKUHAN PELAKSANAAN INISIATIF RMK-11 PEJABAT PENDAFTAR TAHUN 2018



**2 – 3 Mac 2018, Shahzan Inn, Bukit Fraser** - Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Bengkel Pengukuhan Pelaksanaan Inisiatif RMK-11 Tahun 2018 bagi menyemak kembali inisiatif yang berkaitan dengan tenaga kerja berprestasi tinggi dan penyampaian perkhidmatan berkualiti.

Bengkel ini telah dihadiri oleh seluruh warga Pejabat Pendaftar bagi memastikan pengembangan tenaga merangkumi semua peringkat kakitangan termasuk Pengurusan Profesional dan Pelaksana untuk menghasilkan sinergi dan keupayaan dalam menghasilkan *output* dan *outcome* yang diharapkan.

Objektif yang disasarkan melalui penganjuran bengkel tersebut adalah seperti berikut :

- Menyemak pelaksanaan inisiatif RMK-11 Pejabat Pendaftar.
- Mengkaji proses, penambahbaikan perkhidmatan dan kaedah untuk menggirangkan pelanggan dalam usaha meningkatkan UiTM *Happiness Index*.
- Melatih staf agar sentiasa memberi sokongan dan bersama-sama pihak pengurusan, pemimpin universiti dan negara dalam meningkatkan kualiti dan kecemerlangan sebagai warga universiti.





## AKTIVITI TEAM BUILDING



Majlis penghargaan kepada staf, bahagian dan Kumpulan *Mentoring* yang mempamerkan prestasi cemerlang juga turut diadakan sebagai suntikan motivasi agar warga Pejabat Pendaftar terus komited dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada universiti.



# Program Happiness@BPD

**16 May 2018, Dewan Al Ghazali Bangunan Wawasan** - Domain Keterlibatan (*Engagement*) merupakan salah satu (1) hasil dapatan Kajian Indeks Kegembiraan UiTM yang menjadi faktor utama ketidakgembiraan di kalangan staf UiTM. Justeru, program *Happiness@BPD* telah diadakan bagi meningkatkan keterlibatan (*engagement*) dan sentimen kekitaan yang berupaya melonjak tahap kegembiraan dan seterusnya menyemai semangat kesetiaan yang tinggi di kalangan warga Pejabat Pendaftar terhadap UiTM.



## Bengkel Penyediaan Dokumen Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) Tahun 2018

**22-23 May 2018, Bilik Sumber Ilmu 1 & 2 ARI** - Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) telah diperkenalkan semenjak tahun 1992 sebagai memberi penghargaan kepada kampus negeri/ fakulti/ bahagian dan unit yang berjaya memamerkan ciri-ciri perkhidmatan berkualiti tinggi dan menepati kriteria pengukuran pengurusan berkualiti. Anugerah sedemikian merupakan rentetan daripada Anugerah Perdana Menteri yang mula diperkenalkan pada tahun 1989. Pejabat Pendaftar (BPD) telah menyertai pertandingan ini mulai tahun 2010. Pada tahun 2016 dan 2017 BPD telah berjaya dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan AKNC di peringkat UiTM. Penyertaan dalam AKNC ini amat signifikan kepada BPD dalam memastikan pembudayaan perkhidmatan berkualiti di samping memacu penambahbaikan berterusan (*Kaizen*). Tujuan bengkel tersebut diadakan adalah untuk menyediakan dokumen pelaporan AKNC Tahun 2018 berdasarkan hasil pencapaian tahun 2017. Bengkel tersebut telah disertai oleh pegawai-pegawai BPD Gred 29 dan ke atas yang dibahagikan mengikut tujuh (7) kumpulan mengikut kriteria-kriteria utama AKNC.



# Program Literasi ICT



**4 Jun 2018, Pusat IT PTAR** - Dasar Latihan Sumber Manusia telah menetapkan staf UiTM perlu menjalani latihan sekurang-kurangnya 42 jam setahun mengikut kategori dan jumlah jam seperti berikut :

- 15 jam untuk latihan kompetensi umum.
- 15 jam untuk latihan kompetensi khusus.dan
- 12 jam untuk latihan ICT

Selaras dengan keperluan IR 4.0, penganjuran Program Literasi ICT ini amat penting bagi memastikan staf Pejabat Pendaftar dapat meningkatkan pengetahuan serta kemahiran dalam bidang ICT dan seterusnya berupaya menambah baik pelaksanaan operasi serta penyampaian perkhidmatan agar lebih efektif dan efisien.



# SIDANG REDAKSI

## Penaung

Prof. Emeritus Dato' Dr Hassan Said

## Penasihat

Azida Azmi

## Ketua Editor

Nor Hafizah Ibrahim

## Editor

Noriah Mohamed Ali  
Umaira Othman Koya

## Pereka Grafik

Zailiyanti Zabidin

## Foto

Pejabat Pendaftar

## Edaran dan Terbitan

Bahagian Governan dan Sekteriat Universiti  
Pejabat Pendaftar  
Aras 3. Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA

 <https://pendaftar.uitm.edu.my>

## 10 Nilai & Etika Warga UiTM



## Budaya PERDANA

## UiTM

2.0  
**7 Prinsip PERDANA**

- |    |   |                            |
|----|---|----------------------------|
| 1. | P | Pantas dan Positif         |
| 2. | E | Empati                     |
| 3. | R | Relevan                    |
| 4. | D | Daya Saing                 |
| 5. | A | Amanah, Adil dan Integriti |
| 6. | N | Nilai Tambah dan Kelainan  |
| 7. | A | Arif dan Berilmu           |

*Kalau Hidup Hanya Sekadar Hidup  
Kera Di Rimba Juga Hidup  
Kalau Kerja Hanya Sekadar  
Kerbau Di Sawah Juga Bekerja*

*\_Buya Hamka\_*

